



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 294**

## AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983

*Sebagaimana pada 30 Disember 2023*

*Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.*

**AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983**

Tarikh Persetujuan Diraja	... ..	28 Disember 1983
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	... ..	29 Disember 1993
Kali terakhir dipinda melalui Akta 851 yang mula berkuat kuasa pada	... ..	30 Disember 2023

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 294

### AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Levi kenderaan barang-barang dan siapa yang kena membayarnya
4. Pengecualian
- 4A. Pemulangan levi kenderaan barang-barang yang terlebih bayar atau tersalah bayar
5. Kesalahan
6. Beban pembuktian
7. Pentadbiran dan penguatkuasaan
- 7A. Kuasa untuk melanjutkan tempoh
- 7B. Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat
8. Kad kuasa hendaklah ditunjukkan
9. Kewajipan mengemukakan
10. Peraturan-peraturan



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 294

#### AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[1 Januari 1984, P.U. (B) 650/1983]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini berkenaan dengan bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan barang-barang” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah \*Ordinan Lalulintas Jalan 1958 [*Ord. 49 tahun 1958*], Ordinan Kenderaan Jalan 1963 [*Sabah Ord. 10 tahun 1963*], dan Ordinan Lalulintas Jalan 1960 [*Sarawak Ord. 14 tahun 1960*], masing-masing di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, sama ada atau tidak ada berkuatkuasanya berkenaan dengan kenderaan barang-barang itu suatu lesen atau permit, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikeluarkan masing-masing di bawah Bahagian V, Bahagian IV dan Bahagian V Ordinan tersebut;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“pegawai kastam yang hak” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta Kastam 1967.

### **Levi kenderaan barang-barang dan siapa yang kena membayarnya**

3. (1) Tertakluk pada Akta ini maka hendaklah dikenakan dan dilevi ke atas setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia suatu levi yang dikenali sebagai levi kenderaan barang-barang.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan, dari semasa ke semasa, amaun levi kenderaan barang-barang yang hendak dilevikan di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

(4) Levi kenderaan barang-barang hendaklah dibayar oleh orang yang pada masa itu memandu kenderaan barang-barang itu.

---

\*CATATAN—Ordinan Lalulintas Jalan 1958 telah dipinda oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Act 333*]  
—lihat subseksyen 128(1) bagi Akta 333.

### **Pengecualian**

4. (1) Menteri boleh melalui perintah mengecualikan, seluruh atau sebahagiannya dan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana difikirkan patut dikenakan, mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang dari seksyen 3.

(2) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan wajar berbuat demikian, dalam hal mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang yang tertentu, mengarahkan dibayar balik kesemua atau apa-apa bahagian levi kenderaan barang-barang yang dibayar menurut subseksyen 3(4) dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukannya dalam arahan itu, dan, dalam mengarahkan pembayaran balik itu, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Pemulangan levi kenderaan barang-barang yang terlebih bayar atau tersalah bayar**

4A. Adalah sah di sisi undang-undang bagi Ketua Pengarah, jika dibuktikan dengan memuaskan hatinya bahawa apa-apa wang telah terlebih bayar atau tersalah bayar sebagai levi kenderaan barang-barang di bawah Akta ini, mengarahkan supaya wang yang telah terlebih bayar atau tersalah bayar itu dibayar balik:

Dengan syarat bahawa pembayaran balik demikian tidak boleh dibenarkan melainkan suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran lebih atau pembayaran salah itu dibuat.

### **Kesalahan**

5. Mana-mana orang yang gagal atau enggan membayar apa-apa levi kenderaan barang-barang mengikut seksyen 3 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

**Beban pembuktian**

6. Jika apa-apa soalan yang berbangkit dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini, atau dengan merujuk kepada apa jua yang dilakukan atau dicadang dilakukan di bawah Akta ini, sama ada sesuatu kenderaan barang-barang adalah dikecualikan atau tergolong dalam suatu kelas kenderaan barang-barang yang dikecualikan di bawah seksyen 4, beban membuktikan fakta itu terletak pada orang yang memohon pengecualian itu.

**Pentadbiran dan penguatkuasaan**

7. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara berhubungan dengan levi kenderaan barang-barang, tertakluk pada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Mana-mana pegawai kastam yang hak hendaklah, sebagai tambahan kepada tugas dan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967, mempunyai segala tugas dan kuasa untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan wajar akan peruntukan Akta ini, termasuk melakukan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk melanjutkan tempoh**

7A. Jika, melalui Akta ini, suatu tempoh dinyatakan yang dalamnya sesuatu perbuatan atau benda hendaklah dilakukan oleh seseorang, dan Menteri berpuas hati bahawa perbuatan atau benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam, Menteri boleh, mengikut terma dan syarat yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh untuk menyempurnakan perbuatan atau benda itu sebelum habis tempoh itu.

**Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat**

**7B.** (1) Jika terma dan syarat dikenakan menurut Akta ini, Menteri boleh, atas nasihat Ketua Pengarah, dari semasa ke semasa mengubah suai terma dan syarat bagi maksud melaksanakan tujuan Akta ini.

(2) Sebelum mengubah suai terma dan syarat, notis hendaklah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu menyatakan—

(a) terma dan syarat sebagaimana diubah suai; dan

(b) tarikh terma dan syarat sebagaimana diubah suai itu berkuat kuasa.

(3) Terma dan syarat yang diubah suai tidak boleh berkuat kuasa kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2) dikeluarkan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “ubah suai” ertinya tambah, potong atau ubah.

**Kad kuasa hendaklah ditunjukkan**

**8.** (1) Tiap-tiap pegawai apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, jika tidak beruniform, apabila diminta mengumumkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu apa-apa dokumen membuktikan pengenalannya sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa bersama oleh pegawai itu.

(2) Maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pegawai yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan mengumumkan jawatannya dan mengemukakan dokumen pengenalan dirinya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.

**Kewajipan mengemukakan**

9. (1) Orang yang pada masa itu memandu suatu kenderaan barang-barang hendaklah, apabila dikehendaki oleh seorang pegawai yang disebut di bawah seksyen 7, mengemukakan apa-apa buku pendaftaran, lesen, permit atau apa-apa dokumen lain yang serupa itu yang dikeluarkan berkenaan dengan kenderaan barang-barang itu oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia atau mana-mana negara lain.

(2) Mana-mana orang yang gagal atau enggan mematuhi apa-apa kehendak yang disebut dalam subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam minggu atau kedua-duanya.

**Peraturan-peraturan**

10. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) pengutipan levi kenderaan barang-barang;
  - (b) tempat di mana levi kenderaan barang-barang hendak dibayar dan dikutip.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 294****AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk Ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A772	Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 1990	11-5-1990
Akta 544	Akta Kewangan 1996	01-01-1996
Akta A1676	Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 2022	01-01-2023
Akta 851	Akta Kewangan (No. 2) 2023	30-12-2023

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****AKTA 294****AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk Panjang	Akta 544	01-01-1996
2	Akta A772	11-05-1990
3	Akta A772 Akta 544 Akta 851	11-05-1990 01-01-1996 30-12-2023
4	Akta A772	11-05-1990
4A	Akta A772	11-05-1990
7	Akta A772	11-05-1990
7A	Akta A1676	01-01-2023
7B	Akta A1676	01-01-2023

---